



Aksi pemain yang menyertai Kejohanan Futsal IPT Piala Menteri Pendidikan Malaysia **Sirkuit Zon Selatan**.

## UM, KK Selangor benam UiTM

**Skudai :** Penguasaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Kejohanan Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Piala Menteri Pendidikan Malaysia Sirkuit Zon Selatan disekat Kolej Komuniti Selangor (KK Selangor) dan Universiti Malaya (UM).

Pasukan UiTM menempah tiket pada perlawanan akhir di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai bagi kategori lelaki dan wanita tetapi hanya mampu menjadi naib juara bagi kedua-dua kategori.

Pasukan lelaki KK Selangor menumpaskan UiTM dengan jaringan 6-2 manakala pasukan wanita UiTM juga turut gagal mencipta kejutan ke atas UM pada saingan akhir tumpas dengan jaringan 2-5

### **Wira pasukan**

Angela Kais muncul wira pasukan UM apabila menjaringkan hatrik.

Tempat ketiga kategori lelaki pula menjadi milik pasukan gabungan Politeknik di Selangor (Poli Selangor) yang menumpaskan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan jaringan 9-5 manakala KK Melaka menang tipis ke atas Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bagi merangkul tempat ketiga untuk kategori wanita.

Kejohanan Futsal IPT Piala Menteri Pendidikan Malaysia meneruskan saingan bagi sirkuit zon timur di Universiti Sultan Zainal Abidin mulai 15 Mei hingga 18 Mei ini.



Pasukan lelaki KK Selangor dan wanita UM muncul juara **Kejohanan Futsal Piala Menteri Pendidikan Malaysia Sirkuit Zon Selatan**.

BERITA HARIAN 15/5/2014